

10/05/1997

Pemuda Umno anjur forum

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pergerakan Pemuda Umno akan menganjurkan forum bertajuk 'Pengkisahan Sejarah Umno: Kejayaan dan Cabaran' sempena sambutan hari penubuhan Umno pada 11 Mei ini.

Ketuanya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata tiga ahli panel forum itu ialah bekas Setiausaha Agung dan veteran Umno, Datuk Mustapa Jabar, tokoh wartawan negara, Tan Sri Abdul Samad Ismail dan pensyarah Fakulti Sejarah Universiti Malaya, Prof Madya Mahathir Mohd Khir.

Forum itu, katanya, bertujuan mengimbas kembali lipatan sejarah perjuangan Umno sejak sebelum merdeka sehingga hari ini dan kewujudannya yang bukan lagi setakat sebuah parti politik malah menjadi tonggak pembentukan ke arah sebuah negara maju menjelang 2020.

Beliau berkata, Mustapa adalah pemimpin awal yang melalui era kepemimpinan empat Presiden Umno; Abdul Samad akan mengemukakan perspektif seorang wartawan yang turut melalui zaman sebelum merdeka manakala Mahathir akan menghujah dari sudut akademik.

(END)